



TARIKH	JUMAAT, 06 DISEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	AMARAN GELOMBANG KEDUA
M/S	6
BIDANG	MESTECC
KATA KUNCI	MET MALAYSIA, FLOOD

Banjir di Pantai Timur



Ahli Pertubuhan Kebajikan Insaniah Kampung Kajang Sebidang menyampaikan sumbangan kepada penduduk di sekitar Kampung Kajang Sebidang. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Ahli keluarga Marian Mamat bersama jiran berteduh di dalam lori di Kampung Tersang, Rantau Panjang. (Foto Syaherah Mustafa/BH)

Amaran gelombang kedua

Bah dikuatiri lebih besar jika bertembung air pasang: NADMA

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Rantau Panjang: Agensi Penguatkuasaan Bencana Negara (NADMA) memberi amaran gelombang banjir kedua dijangka berlaku pada 25 dan 26 Disember ini dalam skala sama atau melebihi gelombang pertama.

Timbalan Pengarah Behagian

Penyelarasan Operasi NADMA, Rusli Ibrahim, berkata ini kerana gelombang kedua dikuatiri bertembung dengan air pasang besar di laut perairan Kelantan.

Katanya, mengikut ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) terdapat empat hingga enam luruan angin yang boleh berlaku.

"Jika hujan lebat berlaku pada 25 dan 26 Disember, kita bimbang gelombang terbabit lebih tinggi berbanding yang sedang berlaku sekarang jika ia bertembung dengan air pasang. Tapi kita ramalkan banjir berlaku seperti seperti 2016 dan 2017 sahaja.

"Pusat pemindahan sementara seluruh Kelantan juga bersiap se-



Mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara Sekolah Kebangsaan Banggol Peradong, Kuala Terengganu menerima rawatan kesihatan, kelmarin. (Foto Norzuan Shamsuddin/BH)

dia menerima mangsa dalam skala besar," katanya ketika dihubungi semalam selepas menyempakan sumbangan kepada keluarga yang berteduh di dalam lori akibat banjir di Kampung Tersang, di sini, kelmarin.

Media kelmarin melaporkan sebanyak enam keluarga membe-

bitkan lebih 40 mangsa terpaksa bermalam di dalam lori akibat banjir yang melanda sejak lima hari lalu di kampung terbabit.

Rusli turut menasihatkan penduduk khususnya di Kelantan tidak bermain air untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

Info bilangan mangsa banjir Kelantan

7,666 mangsa mangsa di Pasir Mas dan Tumpat sehingga jam 8 malam tadi

» Mangsa babitkan 3,024 keluarga ditempatkan di 22 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

» 4,753 mangsa daripada 2,000 keluarga ditempatkan di 15 PPS di Pasir Mas

» 2,913 mangsa daripada 1,024 di tujuh PPS di Tumpat

Terengganu

861 mangsa di Kuala Terengganu dan Kuala Nerus sehingga jam 6 petang semalam

» Mangsa babitkan 210 keluarga ditempatkan di enam Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

» 609 mangsa daripada 155 keluarga di lima PPS di Kuala Nerus

» 252 mangsa daripada 55 keluarga di satu PPS di Kuala Terengganu

DISEDIAKAN
OLEH

1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM